

**PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KEBERKESANAN PENGAJARAN MATA PELAJARAN
KEMAHIRAN HIDUP SEKOLAH MENENGAH**

PROF. MADYA DR. AZIZI YAHAYA

profazizi_yahaya@yahoo.com

NOR'ANI BINTI SAIDUN

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Skudai Johor

DR RAJA ROSLAN RAJA ABD RAHMAN

IPTK, UTeM

ABSTRAK: Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengetahui Persepsi Pelajar Kemahiran Hidup Tingkatan Dua Terhadap Keberkesanan Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah. Seramai 280 orang responden yang dipilih adalah berdasarkan kaedah persampelan rawak kelompok di tujuh buah sekolah menengah sekitar daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Kajian rintis telah dijalankan untuk melihat ketekalan dalaman dan kebolehpercayaan instrumen dengan menggunakan Alpha Cronbach. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi keseluruhan set soalan ini adalah 0.8172. Satu set borang soal selidik yang mengandungi bahagian A (demografi responden) dan bahagian B (Soalan yang berkaitan pembolehubah) telah digunakan. Data-data yang diperoleh diproses dan dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS versi 11.0 (Statistical Packages For Social Science). Statistik deskriptif seperti frekuensi, min dan sisihan piawai digunakan untuk mengenal pasti tahap keberkesanan berdasarkan beberapa pembolehubah yang ada dan yang paling dominan serta mengenal pasti tahap keberkesanan pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah. Manakala statistik inferensi seperti Ujian-t telah digunakan. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan ($p=0.702 > \alpha 0.05$), kemahiran ($p=0.099$), sikap ($p=0.359$) dan pengajaran guru ($p=0.534 > \alpha 0.05$) dengan jantina pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa pengetahuan guru adalah aspek yang paling dominan, berbanding aspek yang lain berdasarkan kesemua pembolehubah yang ada. Analisis korelasi Pearson pula telah digunakan untuk mengetahui hubungan kolerasi, dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan, kemahiran, sikap dan pengajaran guru dengan keputusan peperiksaan akhir tahun KH tingkatan satu. Oleh itu, beberapa cadangan dikemukakan dalam kajian ini. Antaranya ialah kajian dari segi peruntukan (Bahan dan alatan, ABM, bekalan Note book, bebanan kerja guru KH) yang boleh meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah menengah di masa akan datang.

(katakunci: tahap pengetahuan, kemahiran, sikap, pengajaran guru, prestasi akademik pelajar sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang)

ABSTRACT: The purpose of this reseach was to identified the form two students involved in living skill subject toward the effectiveness of the subject in secondary school. Among 280 respondents been selected based on random sampling in seven secondary school around Seberang Perai Selatan district, Penang. A preliminary research had been done to see the reliability of the study by using Cronbach Alpha. The reliability index of the instrument is 0.8172. A set of questionnaire which consist of respondent demografique in A section and involving dependent question in section B been used. All data received been processed and analyzed using SPSS Version 11.0 (Statistical Packages For Social Science). Statistical description such as frequency, mean and standard deviation is used based on various dependent available and most dominant to identified the effectiveness of the subject in secondary school. Statistical inferensy such as t-test been used. The result shows that there are no significant difference between knowledge ($p=0.702 > \alpha 0.05$), skill ($p= 0.99$), attitude ($p=0.359$) and teacher teaching with the student gender. The study shows that the knowledge of the teacher involved is the most dominant aspect compared with other aspect based on all existing dependent item. Pearson Coleration analysis was used to get the relation on correlation. The result shows that there are significant relation between knowledge, skill, attitude and teaching method compared with the final examination while the students are in form one. Some proposal been proposed in this research, such as the budget equipment and materials, ABM, Note

book, teachers work load) which believed could increased the effectiveness in the living skill subject present in secondary school in the future.

(keyword : knowledge level, skill, attitude, teacher teaching, technique achievement academic of secondary school student the district of Seberang Perai Selatan, Penang

1.0 Pengenalan

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu ini, diperkenalkan bertujuan untuk membekalkan para pelajar dengan kemahiran asas untuk mereka mengendalikan hidup secara produktif dalam dunia teknologi dan perdagangan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Kemahiran asas ini disepadukan dengan nilai-nilai murni seperti bersikap positif terhadap kerja, bersifat inovatif, berinisiatif, berdikari, mementingkan keselamatan dan kesihatan serta bermesra dan bersopan santun dalam kehidupan mereka. Kemahiran dan nilai-nilai murni yang diterapkan ini adalah sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Dalam pendidikan teknik dan vokasional, mata pelajaran Kemahiran Hidup ditawarkan sebagai mata pelajaran wajib untuk semua pelajar di peringkat sekolah menengah. Kini mata pelajaran tersebut telah pun ditawarkan di sekolah – sekolah rendah. Menurut Yahaya (1983), dalam kurikulum baru telah diperkenalkan satu mata pelajaran baru iaitu Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB), secara tidak langsung ia akan mendedahkan pelajar – pelajar kepada pendidikan teknik vokasional. (Jurnal Pendidikan. Halaman 3).

Pada tahun 2002, Pusat Perkembangan Kurikulum di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat penambahbaikan ke atas sukatan mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Beberapa tajuk telah digugurkan dan diganti dengan tajuk baru. Walau bagaimanapun objektif mata pelajaran ini tidak diubah tetapi sekadar dipinda sedikit pada beberapa bahagian. Antara lain objektif mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu tingkatan dua yang telah ditambahbaikan ini adalah untuk membolehkan pelajar:

- i. Mengamalkan kreativiti, inovasi dan berdaya usaha dalam mereka bentuk dan menghasilkan produk daripada pelbagai bahan seperti kayu, papan lapis dan bahan komposit.
- ii. Mengamalkan sikap peka terhadap masalah sekeliling dan mendapatkan idea daripada pelbagai sumber untuk mereka bentuk dan menghasilkan produk.
- iii. Memberi peluang kepada pelajar untuk membina keyakinan terhadap diri sendiri dan seterusnya menggunakan pengetahuan serta kemahiran yang telah dipelajari dalam urusan kehidupan seharian mereka.

Penambahbaikan yang dilakukan ini melibatkan penyusunan semula beberapa tajuk yang mana antara lain bertujuan untuk mengelakkan pertindihan, meneruskan kesinambungan serta mengemaskini isi kandungan.

2.0 Pernyataan Masalah

Melalui pemerhatian dan laporan yang di perolehi dari Ketua Sektor Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang menyatakan guru KH banyak menghadapi masalah dalam pengajaran dari segi teori dan amali. Ramai guru opsyen KH terpaksa mengajar elektif yang lain seperti Kemahiran Teknikal, ERT, Pertanian, Perdagangan dan Keusahawanan. Masalah kekurangan guru KH juga menyebabkan ada guru – guru yang bukan opsyen terpaksa mengajar mata pelajaran KH.

Justeru itu guru- guru KH harus mampu menyiapkan diri mereka dengan kehendak isi kandungan sukatan mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang ada sekarang. Mereka dikehendaki menambahkan ilmu pengetahuan tentang apa yang dikehendaki oleh sukatan KH, selain itu kebolehan menguasai kemahiran dari segi teori dan amali juga penting. Ini kerana guru KH terpaksa mengajar bagi bahagian teras dan juga elektif. Guru KH perlu menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka dari masa ke semasa.

Kesan adanya perubahan untuk penambahbaikan, didapati pencapaian pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Tun Syed Sheh Barakbah Sg. Bakap untuk tahun 2003 dan 2004 tidak stabil. Oleh itu timbul minat pengkaji untuk membuat kajian yang mana bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar kemahiran hidup (tingkatan 2) terhadap keberkesanan Pengajaran KH di sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan.

Antara fokus kajian adalah dari aspek pengetahuan guru, kemahiran guru, sikap guru dan pengajaran guru, dalam proses melaksanakan kurikulum baru di sekolah. Selain itu, pengkaji juga telah melihat hubungan dan perbezaan faktor-faktor tersebut dengan keputusan peperiksaan Akhir Tahun KH tingkatan satu dan jantina pelajar di sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan.

3.0 Objektif Kajian

Objektif kajian yang telah dijalankan ini adalah untuk:

- 1) Menenalpasti tahap pengetahuan guru – guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan
- 2) Menenalpasti tahap penguasaan kemahiran guru- guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan
- 3) Menenalpasti sikap guru – guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan
- 4) Menenalpasti pengajaran guru- guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan
- 5) Menenalpasti prestasi akademik pelajar tingkatan dua Kemahiran Hidup Bersepadu sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan
- 6) Menenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor pengetahuan, kemahiran, sikap dan pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan jantina pelajar
- 7) Menenalpasti sama ada terdapat perhubungan yang signifikan antara faktor pengetahuan, kemahiran, sikap dan pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan keputusan peperiksaan akhir tahun KH tingkatan satu

4.0 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini ialah:

- H₀1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan guru Kemahiran Hidup sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan jantina pelajar
- H₀2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran guru Kemahiran Hidup sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan jantina pelajar
- H₀3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru Kemahiran Hidup sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan jantina pelajar
- H₀4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengajaran guru Kemahiran Hidup sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan jantina pelajar

Hipotesis nol (H₀)

- H₀1 Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara pengetahuan guru Kemahiran Hidup sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan keputusan peperiksaan akhir tahun KH tingkatan satu
- H₀2 Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara kemahiran dengan guru Kemahiran Hidup sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan keputusan peperiksaan akhir tahun KH tingkatan satu

H₀₃ Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara sikap guru Kemahiran Hidup sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan keputusan peperiksaan akhir tahun KH tingkatan satu

H₀₄ Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara pengajaran guru Kemahiran Hidup sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan keputusan peperiksaan akhir tahun KH tingkatan satu

5.0 Batasan Kajian

Kajian penyelidikan ini dijalankan terhadap kepada lokasi, sampel, tajuk, masa, dan kewangan yang ditetapkan. Kajian yang telah dijalankan ini tertumpu kepada pelajar Tingkatan Dua yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup di tujuh buah sekolah menengah di dalam Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Acheh, Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Indah, Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman, Sekolah Menengah Tun Syed Sheh Barakbah, Sekolah Menengah Valdor, Sekolah Menengah Taman Widuri dan Sekolah Menengah Jawi. Maklumat yang telah diperolehi adalah terbatas kepada maklumbalas yang bertulis dalam soal selidik oleh pelajar. Kajian ini hanya memfokuskan kepada beberapa pemboleh ubah sahaja iaitu tertumpu kepada lima aspek yang dikenalpasti selaras dengan objektif kajian.

6.0 Metodologi

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Sampel kajian dalam penyelidikan ini menggunakan Kaedah Persampelan Rawak Mudah. Persampelan jenis ini dipilih bersesuaian dengan keadaan sampel yang terdiri daripada pelajar Tingkatan Dua sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup. Instrumen kajian ialah set soal selidik menggunakan skala lima mata dan terdiri daripada bahagian A dan bahagian B. Kajian rintis dijalankan untuk menganalisis kebolehpercayaan soal selidik di mana nilai keseluruhan ialah 0.817.

7.0 Dapatan Kajian

Analisis hasil dapatan tentang tahap pengetahuan, kemahiran, sikap dan pengajaran guru mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah dengan meletakkan tahap rendah, sederhana dan tinggi pada setiap aspek yang dibincangkan. Berikut adalah pengelasan tahap faktor berdasarkan analisis min.

a) Tahap Pengetahuan Guru Kemahiran Hidup Sekolah Menengah

Jadual 1: Taburan responden mengikut Tahap Pengetahuan Guru

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	-	-
Sederhana	4	1.4
Tinggi	272	98.6
Jumlah	276	100

Jadual 1 menunjukkan taburan tahap persepsi responden terhadap tahap Pengetahuan Guru-guru KH sekolah Menengah di daerah Seberang Perai Selatan. Hasil daripada kajian didapati majoriti responden berpendapat bahawa guru-guru di sini mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi, iaitu seramai 272 orang (98.6 peratus). Manakala hanya 4 orang (1.4 peratus) responden sahaja telah memilih tahap pengetahuan guru pada tahap sederhana. Tiada seorang pun responden yang memilih tahap pengetahuan guru pada tahap yang rendah.

b) Analisis Tahap Pengetahuan Guru

Jadual 2 : Taburan Responden Mengikut Peratusan, Min dan Sisihan Piawai

Mengikuti Pelajar Tentang Tahap Pengetahuan Guru-guru Mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Menengah di daerah Seberang Perai Selatan (n=276)

Item/Soalan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 KS (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
Guru saya berkeyakinan dalam menyampaikan isi kandungan Sukatan KH sekarang.	-	-	1.1	30.8	68.1	4.67	0.49
Guru saya bijak menarik perhatian dan berpengetahuan semasa mengajar membuat rasa seronok untuk belajar.	-	-	4.3	42.4	53.3	4.49	0.58
Sukatan KH yang guru saya ajar dapat menyediakan diri saya dengan pengetahuan dan teknologi terkini.	-	0.7	6.5	42.0	50.7	4.43	0.64
Guru saya dapat mengenalpasti dan merekodkan urusaniaga secara sistematik.	-	-	2.5	44.2	53.3	4.50	0.55
Saya mudah memahami apa yang guru saya sampaikan.	-	0.7	7.6	34.4	57.2	4.48	0.67
Saya selalu dapat belajar tajuk-tajuk yang baru terutamanya yang berkaitan dengan kegunaan dalam kehidupan saya dari guru KH saya.	-	-	9.8	37.0	53.3	4.43	0.67
Guru KH saya selalu mengingatkan agar kami membeli buku latihan untuk meningkatkan pengetahuan kami dalam mata pelajaran KH.	-	1.8	7.6	34.8	55.8	4.45	0.71
Disebabkan kebijaksanaan guru KH menyampaikan pengajaran menyebabkan waktu belajar KH adalah waktu yang selalu saya tunggu.	-	0.7	3.6	42.8	52.9	4.48	0.61

Min keseluruhan = 4.492 Sisihan Piawai = 0.279

Jadual 2 di atas menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, min, dan sisihan piawai bagi persepsi pelajar KH tingkatan dua, terhadap tahap pengetahuan guru-guru KH di sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Guru saya berkeyakinan dalam menyampaikan isi kandungan Sukatan KH sekarang ” mencatat min tertinggi iaitu 4.67 dan sisihan piawainya pula ialah 0.49. Terdapat sebanyak 68.1 peratus sangat setuju, 30.8 peratus setuju manakala hanya 1.10 peratus sahaja responden yang kurang setuju.

Pernyataan yang mendapat min kedua tertinggi ialah “Guru saya dapat mengenalpasti dan merekod urusaniaga secara sistematik”, menunjukkan min sebanyak 4.51 dan sisihan piawai pula ialah 0.55. Terdapat sebanyak 53.3 peratus responden memilih sangat setuju, manakala 44.2 peratus setuju dan selebihnya pula sebanyak 2.50 peratus responden kurang setuju.

Ini diikuti dengan pernyataan “Guru saya bijak menarik perhatian dan berpengetahuan semasa mengajar membuat rasa seronok untuk belajar”, mendapat 53.3 peratus sangat setuju, 42.4 peratus setuju dan 4.30 peratus pula kurang setuju. Mendapat min ketiga tertinggi iaitu 4.49 dan sisihan piawai 0.58

Seterusnya pernyataan yang mendapat min paling sedikit ialah “Sukatan KH yang guru saya ajar dapat menyediakan diri saya dengan pengetahuan dan teknologi terkini”, mendapat sebanyak 50.7 peratus responden sangat setuju, diikuti 42.0 peratus setuju manakala 6.50 peratus kurang setuju dan hanya 0.70 peratus responden sahaja yang tidak setuju. Mendapat min sebanyak 4.43 dan sisihan piawai 0.65

Secara keseluruhannya min yang diperoleh ialah 4.49 dan sisihan piawai 0.279. Ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar KH tingkatan dua tentang tahap pengetahuan guru KH sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan Pulau Pinang adalah pada tahap yang tinggi.

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Mengikut Persepsi Pelajar Tentang Tahap Kemahiran guru-guru Matapelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Menengah di daerah Seberang Perai Selatan (n=276)

Item/Soalan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 KS (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
Guru saya mahir menggunakan setiap alatan tangan di dalam bengkel KH.	-	0.7	13.8	33.3	52.2	4.37	0.74
Guru saya mahir menggunakan mesin mudah alih yang diperkenalkan dalam kurikulum terkini.	-	1.8	10.9	48.2	39.1	4.25	0.72
Guru saya menguasai semua kemahiran yang diperlukan untuk mengajar mata pelajaran KH.	-	1.40	14.1	47.5	37.0	4.20	0.73
Guru saya mahir menggunakan dan menyelenggara peralatan mudah alih untuk melancarkan proses P &P.	-	-	23.6	43.1	33.3	4.10	0.75
Guru saya berkeupayaan mengajar setiap komponen dalam mata pelajaran KH (Teras dan Elektif).	-	-	1.4	46.7	51.8	4.50	0.53
Guru saya dapat mendemonstrasikan penggunaan alatan tangan kepada pelajar dengan baik.	-	1.1	10.5	44.9	43.5	4.31	0.70
Guru saya berkeupayaan dan berkemahiran membaca nilai perintang dengan tepat.	-	1.4	11.2	44.2	43.1	4.29	0.72
Guru KH lelaki lebih berkeupayaan mengajar KH (Elektif KT).	-	-	31.2	36.6	32.2	4.01	0.80

Min keseluruhan = 4.25 Sisihan Piawai = 0.324

Jadual 3 di atas menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, min, dan sisihan piawai bagi persepsi pelajar KH tingkatan dua, terhadap tahap kemahiran guru-guru KH di sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan. Hasil daripada kajian di dapati pernyataan “Guru saya berkeupayaan mengajar setiap komponen dalam mata pelajaran KH (Teras dan Elektif).” mencatat min tertinggi iaitu 4.50 dan sisihan piawainya pula ialah 0.53. Bagi pernyataan ini, sebanyak 51.8 peratus sangat setuju, 46.7 peratus setuju manakala hanya 1.40 peratus sahaja responden yang kurang setuju.

Pernyataan yang mendapat min kedua tertinggi ialah “Guru saya mahir menggunakan setiap alatan tangan di dalam bengkel KH”, menunjukkan min sebanyak 4.37 dan sisihan piawai pula ialah 0.744. Terdapat sebanyak 52.2 peratus responden memilih sangat setuju, manakala 33.3 peratus setuju manakala 13.8 peratus kurang setuju dan selebihnya pula sebanyak 0.70 peratus sahaja responden kurang setuju.

Ini diikuti dengan pernyataan “Guru saya dapat mendemonstrasikan penggunaan alatan tangan kepada pelajar dengan baik”, mendapati 43.5 peratus responden sangat setuju, 44.9 peratus setuju, 10.5 peratus kurang setuju dan hanya 1.10 peratus responden sahaja yang tidak bersetuju dengan pernyataan di atas. Mendapat min ketiga tertinggi iaitu 4.31 dan sisihan piawai 0.70

Seterusnya pernyataan yang mendapat min paling sedikit ialah “Guru lelaki lebih berkeupayaan mengajar KH (Elektif KT)”, mendapat sebanyak 32.2 peratus responden sangat setuju, diikuti 36.6 peratus setuju manakala hanya 31.2 peratus kurang setuju. Min yang diperolehi hanyalah sebanyak 4.01 dan sisihan piawai 0.797

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 4.25 dan sisihan piawai 0.323 Ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar kh tingkatan dua tentang tahap kemahiran guru-guru KH sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan Pulau Pinang adalah pada tahap yang tinggi.

Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Mengikut Persepsi Pelajar Tentang Sikap Guru-guru mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Menengah di daerah Seberang Perai Selatan (n=276)

Item/Soalan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 KS (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
Guru saya sentiasa mengajar dengan sabar dan ramah mesra.	-	0.70	12.3	43.1	43.8	4.30	0.71
Guru saya sentiasa bersedia membantu terutamanya dalam menyiapkan folio KH.	-	-	7.20	41.7	51.1	4.44	0.63
Guru saya sentiasa mengingatkan pelajar kepada langkah-langkah keselamatan dalam bengkel.	-	0.40	2.20	51.8	45.7	4.43	0.56
Guru saya sanggup mengajar apa saja komponen dalam mata pelajaran KH	-	-	1.40	42.8	55.8	4.54	0.53
Guru saya menggunakan beberapa buah buku rujukan semasa pengajaran KH.	-	1.4	26.4	38.0	34.1	4.05	0.81
Guru saya sentiasa bersedia mengikuti kursus-kursus yang berkaitan jika diberi peluang.	-	0.40	29.3	26.4	43.8	4.14	0.85
Guru perempuan lebih menunjukkan sikap sabar berbanding guru lelaki semasa pengajaran KH.	-	0.40	21.4	36.6	41.7	4.20	0.78
Guru lelaki lebih yakin menggunakan semua peralatan mesin mudah alih dalam pengajaran KH.	-	1.10	9.10	44.6	45.3	4.34	0.69

Min keseluruhan = 4.304 Sisihan Piawai = 0.31

Jadual 4 di atas menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi persepsi pelajar KH tingkatan dua, terhadap sikap guru-guru KH di sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan. Hasil daripada kajian di dapati pernyataan “Guru saya sanggup mengajar apa saja komponen dalam mata pelajaran KH” mencatat min tertinggi iaitu 4.54 dan sisihan piawainya pula ialah 0.53. Terdapat sebanyak 55.8 peratus sangat setuju, 42.8 peratus setuju, manakala hanya 1.40 peratus sahaja responden yang kurang setuju.

Pernyataan yang mendapat min kedua tertinggi ialah “Guru saya sentiasa bersedia membantu terutamanya dalam menyiapkan folio KH”, mendapati sebanyak 51.1 peratus responden sangat setuju, 41.7 peratus sahaja responden yang memilih setuju, manakala selebihnya hanya 7.20 peratus pula kurang setuju. Min bagi pernyataan tersebut ialah 4.44 dan sisihan piawai 0.63.

Ini diikuti dengan pernyataan “Guru saya sentiasa mengingatkan pelajar kepada langkah-langkah keselamatan dalam bengkel”, mendapati 45.7 peratus responden sangat setuju, 51.8 peratus setuju, 2.20 peratus kurang setuju dan hanya 0.40 peratus responden sahaja yang tidak bersetuju dengan pernyataan di atas. Mendapat min ketiga tertinggi iaitu 4.43 dan sisihan piawai 0.558

Seterusnya pernyataan yang mendapat min paling sedikit ialah “Guru saya menggunakan beberapa buah buku rujukan semasa pengajaran KH”, mendapat sebanyak 34.1 peratus responden sangat setuju, diikuti 38.0 peratus setuju, 26.4 peratus kurang setuju manakala hanya 1.40 peratus sahaja responden yang kurang setuju. Min yang diperolehi hanyalah sebanyak 4.05 dan sisihan piawai 0.814

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 4.30 dan sisihan piawai 0.305 Ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar KH tingkatan dua tentang sikap guru-guru KH sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan Pulau Pinang adalah pada tahap yang tinggi.

Jadual 5: Taburan Responden Mengikut Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Mengikut Pengajaran Guru-guru Matapelajaran Kemahiran Hidup (n=276)

Item/Soalan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 KS (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
Pengajaran guru KH mudah difahami.	-	1.10	9.8	44.6	44.6	4.33	0.69
Guru saya sentiasa bersedia membantu terutamanya dalam menyiapkan folio KH.	-	1.80	11.6	47.8	38.8	4.24	0.72
Guru memberikan penerangan yang jelas dan mudah difahami ketika aktiviti amali dijalankan.	-	2.20	12.0	45.7	40.2	4.24	0.74
Guru KH menggunakan ABM seperti carta, model, dan bahan sebenar semasa mengajar.	0.40	3.3	19.6	38.4	38.4	4.11	0.86
Guru KH selalu memberi latihan tambahan sebagai pengukuhan.	-	1.1	9.8	45.7	43.5	4.32	0.69
Guru KH sentiasa menerima kedatangan pelajar di luar waktu mengajarnya.	-	1.40	10.1	38.0	50.4	4.37	0.73
Proses pengajaran dan pembelajaran KH mengikut sukatan sekarang memberi peluang kepada saya mempelajari ilmu baru.	-	1.10	8.7	42.0	48.2	4.37	0.69
Guru saya sentiasa memberi tumpuan kepada setiap pelajar semasa P& P.	-	1.1	8.7	42.4	47.8	4.37	0.69

Min keseluruhan = 4.29 Sisihan Piawai = 0.333

Jadual 5 di atas menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi persepsi pelajar KH tingkatan dua, terhadap tahap pengajaran guru-guru KH di sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan. Hasil daripada kajian di dapati pernyataan “Proses pengajaran dan pembelajaran KH mengikut sukatan sekarang memberi peluang kepada saya mempelajari ilmu baru”, mencatat min tertinggi iaitu 4.37 dan sisihan piawainya pula ialah 0.689. Bagi pernyataan ini, sebanyak 48.2 peratus sangat setuju, 42.0 peratus responden setuju, hanya 8.70 peratus kurang setuju dan baki sebanyak 1.10 peratus sahaja responden yang tidak setuju.

Pernyataan yang mendapat min kedua tertinggi ialah “Guru KH sentiasa menerima kedatangan pelajar di luar waktu mengajarnya”, mendapati sebanyak 50.4 peratus responden sangat setuju, 38.0 peratus sahaja responden yang memilih setuju, 10.1 peratus kurang setuju, manakala selebihnya hanya 1.40 peratus responden pula tidak setuju. Min bagi pernyataan tersebut ialah 4.37 dan sisihan piawai 0.725.

Ini diikuti dengan pernyataan “Guru saya sentiasa memberi tumpuan kepada setiap pelajar semasa P& P”, mendapati 47.8 peratus responden sangat setuju, 42.4 peratus setuju, 8.70 peratus kurang setuju dan hanya 1.10 peratus responden sahaja yang tidak bersetuju dengan pernyataan di atas. Mendapat min ketiga tertinggi iaitu 4.37 dan sisihan piawai 0.688

Seterusnya pernyataan yang mendapat min paling sedikit ialah “Guru KH menggunakan ABM seperti carta, model, dan bahan sebenar semasa mengajar”, mendapat sebanyak 38.4 peratus responden sangat setuju, diikuti 38.4 peratus juga responden yang setuju, 19.6 peratus kurang setuju, 3.30 tidak setuju, manakala hanya 0.40 peratus sahaja responden yang sangat tidak setuju dengan pernyataan di atas. Min yang diperolehi hanyalah sebanyak 4.11 dan sisihan piawai 0.856

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 4.29 dan sisihan piawai 0.333. Ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar KH tingkatan dua tentang tahap pengajaran guru-guru KH sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan Pulau Pinang adalah pada tahap yang tinggi.

Jadual 6: Taburan Mengikut Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Tentang Tahap prestasi akademik responden (n=276)
Min keseluruhan = 4.21 Sisihan Piawai = 0.357

Item/Soalan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 KS (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
Saya lulus dalam setiap ujian KHB yang diadakan.	-	2.50	15.6	38.4	43.5	4.23	0.80
Saya boleh menulis dan membaca serta dapat memahami setiap arahan dengan baik.	-	2.50	6.20	43.1	48.2	4.37	0.71
Saya dapat memahami P&P dengan baik semasa guru mengajar.	-	1.80	10.5	47.8	39.9	4.26	0.72
Saya sentiasa ingat langkah-langkah keselamatan dalam bengkel dan selalu mematuhi semasa P&P.	-	1.10	9.80	52.2	37.0	4.25	0.67
Saya sentiasa menyiapkan tugas @ kerja rumah subjek KHB yang diberi guru.	-	2.50	12.0	45.3	40.2	4.23	0.76
Dalam setiap kali peperiksaan saya selalu mendapat sekurang-kurangnya gred B dalam subjek KHB.	-	1.80	15.6	43.5	39.1	4.20	0.76
Saya boleh memasak makanan bekal yang seimbang kandungan nutriennya seperti yang diajar oleh guru KH.	-	-	12.7	45.3	42.0	4.30	0.68
Saya boleh menjahit blaus yang mudah dan boleh mengendalikan mesin jahit dengan baik.	1.10	8.30	20.3	48.9	21.4	3.81	0.90

Jadual 6 di atas menunjukkan taburan prestasi akademik responden Mengikut peratusan, min dan sisihan piawai sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan. Hasil daripada kajian di dapati pernyataan “Saya boleh menulis dan membaca serta dapat memahami setiap arahan dengan baik ” mencatat min tertinggi iaitu 4.37 dan sisihan piawainya pula ialah 0.71. Bagi pernyataan ini, sebanyak 48.2 peratus sangat setuju, 43.1 peratus responden setuju, hanya 6.20 peratus kurang setuju dan baki sebanyak 2.50 peratus sahaja responden yang tidak setuju.

Pernyataan yang mendapat min kedua tertinggi ialah “Saya boleh memasak makanan bekal yang seimbang kandungan nutriennya seperti yang diajar oleh guru KH ”, mendapati sebanyak 42.0 peratus responden sangat setuju, 45.3 peratus sahaja responden yang memilih setuju, manakala selebihnya hanya 12.7 peratus responden pula kurang setuju dengan pernyataan tersebut. Min bagi pernyataan tersebut ialah 4.29 dan sisihan piawai 0.68

Ini diikuti dengan pernyataan “Saya dapat memahami P&P dengan baik semasa guru mengajar”, mendapati 39.9 peratus responden sangat setuju, 47.8 peratus setuju, 10.5 peratus kurang setuju dan hanya 1.80 peratus responden sahaja yang tidak bersetuju dengan pernyataan di atas. Mendapat min ketiga tertinggi iaitu 4.26 dan sisihan piawai 0.715

Seterusnya pernyataan yang mendapat min paling sedikit ialah “Saya boleh menjahit blaus yang mudah dan boleh mengendalikan mesin jahit dengan baik”, mendapat sebanyak 38.4 peratus responden sangat setuju, diikuti 38.4 peratus juga responden yang setuju, 19.6 peratus kurang setuju, 3.30 tidak setuju, manakala hanya 0.40 peratus sahaja responden yang sangat tidak setuju dengan pernyataan di atas. Min yang diperolehi hanyalah sebanyak 3.81 dan sisihan piawai 0.903

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 4.21 dan sisihan piawai 0.357. Ini menunjukkan bahawa tahap prestasi akademik responden di daerah Seberang Perai Selatan Pulau Pinang adalah pada tahap yang tinggi.

Jadual 7: Taburan Tahap dan min keseluruhan bagi setiap item

Keseluruhan Item

Jenis Item	Min Keseluruhan	Tahap
Pengetahuan guru	4.49	Tinggi
Kemahiran guru	4.25	Tinggi

Sikap guru	4.30	Tinggi
Pengajaran guru	4.29	Tinggi
Prestasi akademik responden	4.21	Tinggi

Jadual 7 menunjukkan taburan keseluruhan tahap item soal selidik guru mengikut min dan sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati min bagi pengetahuan guru merupakan min yang tertinggi iaitu 4.49. Ini diikuti oleh item soal selidik Sikap guru, di mana mendapat min sebanyak 4.30, merupakan min kedua tertinggi. Seterusnya item pengajaran guru pula mendapat min ketiga tertinggi iaitu sebanyak 4.29, manakala item kemahiran guru pula mendapat min sebanyak 4.25. Item terakhir ialah item prestasi akademik responden. Item ini merupakan item yang mendapat min yang paling rendah iaitu 4.21.

Kesimpulannya kesemua pembolehubah dalam soalselidik kajian berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan tahap pengetahuan, kemahiran, sikap, pengajaran guru KH dan prestasi akademik pelajar sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan berada pada tahap yang tinggi.

8.0 Analisis Inferensi

- a) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan guru Kemahiran Hidup sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan jantina pelajar

Jadual 8: Analisis Ujian-t Perbezaan Aspek Pengetahuan Guru

Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai (SP)	Df	T	Signifikan
Lelaki	136	4.49	0.276	274	-0.384	0.702
Perempuan	276	4.50	0.283			

Aras keertian $\alpha = 0.05$

Berdasarkan jadual 8 didapati nilai $p = 0.702$. Memandangkan nilai $p = .702$ ini lebih besar daripada nilai $\alpha = 0.05$ maka hipotesis nol.1 ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan signifikan antara jantina pelajar dengan pengetahuan guru.

Oleh kerana keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak dapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dengan pengetahuan guru KH di sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

- b) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran guru kemahiran hidup sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan jantina pelajar

Jadual 9: Analisis Ujian-t Perbezaan Aspek Kemahiran Guru

Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai (SP)	Df	T	Signifikan
Lelaki	136	4.22	0.329	274	-1.654	0.099
Perempuan	276	4.28	0.316			

Aras keertian $\alpha = 0.05$

Berdasarkan jadual 9 didapati nilai $p = 0.099$. Memandangkan nilai $p = .099$ ini lebih besar daripada nilai $\alpha = 0.05$ maka hipotesis nol.2 ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dengan kemahiran guru.

Oleh kerana keputusan ujian t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak dapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dengan kemahiran guru KH di sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

- c) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru KH sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan jantina pelajar

Jadual 10: Analisis Ujian-t Perbezaan Aspek Sikap Guru

Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai (SP)	Df	T	Signifikan
Lelaki	136	4.29	0.308	274	-918	0.359
Perempuan	276	4.32	0.303			

Aras keertian $\alpha = 0.05$

Berdasarkan jadual 10 didapati nilai $p = 0.359$. Memandangkan nilai $p = .359$ ini lebih besar daripada nilai $\alpha = 0.05$ maka hipotesis nol.3 ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dengan sikap guru.

Oleh kerana keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak dapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dengan sikap guru KH di sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

- d) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengajaran guru kemahiran hidup sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan jantina pelajar

Jadual 11: Analisis Ujian-t Perbezaan Aspek Pengajaran Guru

Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai (SP)	Df	T	Signifikan
Lelaki	136	4.28	0.327	274	-623	0.534
Perempuan	140	4.31	0.340			

Aras keertian $\alpha = 0.05$

Berdasarkan jadual 11 didapati nilai $p = 0.534$. Memandangkan nilai $p = .534$ ini lebih besar daripada nilai $\alpha = 0.05$ maka hipotesis nol.4 ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dengan pengajaran guru.

Oleh kerana keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak dapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dengan pengajaran guru KH di sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

- e) Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara pengetahuan guru Kemahiran Hidup sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan keputusan peperiksaan akhir tahun KH tingkatan satu

Jadual 12: Korelasi perhubungan antara pengetahuan guru dengan keputusan peperiksaan KH akhir tahun

Pengetahuan guru	Signifikan	Pearson, r
Keputusan peperiksaan KH akhir tahun tingkatan satu	0.004	-0.173

** Signifikan pada aras keertian = 0.05 (2-tailed)

Berdasarkan jadual 12, didapati nilai pekali korelasi, r bagi pengetahuan guru dengan keputusan peperiksaan akhir tahun KH tingkatan satu adalah bersamaan dengan -0.173. Ini menunjukkan korelasi yang sangat lemah dan songsang. Memandangkan nilai $p=0.004$ adalah lebih kecil dari 0.05 maka hipotesis

ini ditolak. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru KH sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan dengan keputusan peperiksaan KH akhir tahun tingkatan satu.

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru dengan keputusan peperiksaan KH Akhir Tahun

- f) Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara kemahiran guru Kemahiran Hidup sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan keputusan peperiksaan KH akhir tahun

Jadual 13: Korelasi perhubungan antara kemahiran guru dengan keputusan peperiksaan KH akhir tahun

Kemahiran guru	Signifikan	Pearson, r
Keputusan peperiksaan KH akhir tahun tingkatan satu	0.015	-0.147

*** Signifikan pada aras keertian = 0.05 (2-tailed)*

Berdasarkan jadual 13, didapati nilai pekali korelasi, r bagi tahap kemahiran guru KH dengan keputusan peperiksaan akhir tahun KH tingkatan satu adalah bersamaan dengan -0.147. Ini menunjukkan kolerasi yang sangat lemah dan songsang. Memandangkan nilai $p=0.015$ adalah lebih kecil dari 0.05 maka hipotesis ini ditolak. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran guru KH sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan dengan keputusan peperiksaan KH akhir tahun tingkatan satu.

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran guru dengan keputusan peperiksaan KH Akhir Tahun.

- g) Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara sikap guru Kemahiran Hidup sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan keputusan peperiksaan KH akhir tahun

Jadual 14: Korelasi perhubungan antara sikap guru dengan keputusan peperiksaan KH akhir tahun

Sikap guru	Signifikan	Pearson, r
Keputusan peperiksaan KH akhir tahun tingkatan satu	0.004	-0.173

*** Signifikan pada aras keertian = 0.05 (2-tailed)*

Berdasarkan jadual 14, didapati nilai pekali korelasi, r bagi sikap guru KH dengan keputusan peperiksaan akhir tahun KH tingkatan satu adalah bersamaan dengan -0.173. Ini menunjukkan kolerasi yang sangat lemah dan songsang. Memandangkan nilai $p=0.004$ adalah lebih kecil dari 0.05 maka hipotesis ini ditolak. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru KH sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan dengan keputusan peperiksaan KH akhir tahun tingkatan satu.

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru KH dengan keputusan peperiksaan KH Akhir Tahun

- h) Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara pengajaran guru Kemahiran Hidup sekolah menengah di Daerah Seberang Perai Selatan dengan keputusan peperiksaan KH akhir tahun

Jadual 15: Korelasi perhubungan antara pengajaran guru dengan keputusan peperiksaan KH akhir tahun

Pengajaran guru	Signifikan	Pearson, r
Keputusan peperiksaan KH akhir tahun tingkatan satu	0.023	-0.137

*** Signifikan pada aras keertian = 0.05 (2-tailed)*

Berdasarkan jadual 15, didapati nilai pekali korelasi, r bagi pengajaran guru KH dengan keputusan peperiksaan akhir tahun KH tingkatan satu adalah bersamaan dengan -0.137 . Ini menunjukkan korelasi yang sangat lemah dan songsang. Memandangkan nilai $p=0.023$ adalah lebih kecil dari 0.05 maka hipotesis ini ditolak. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran guru KH sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan dengan keputusan peperiksaan KH akhir tahun tingkatan satu.

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran guru dengan keputusan peperiksaan KH akhir tahun tingkatan satu.

9.0 Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian ini pengkaji mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak-pihak berkenaan. Antaranya ialah:

- a) Sistem pembelajaran di institusi hendaklah lebih menumpukan kepada pembelajaran amali selain daripada teori bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup.
- b) Guru kemahiran hidup seharusnya meningkatkan kualiti pengajarannya dengan menggunakan pendekatan pengajaran terkini seperti penggunaan komputer dalam pengajaran, disamping menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran bagi menyahut seruan kerajaan untuk melahirkan anak didik yang berwawasan dan berdisiplin tinggi. Justeru itu pihak Kementerian Pelajaran seharusnya turut juga membekalkan 'Note book' kepada guru-guru KH yang ada.
- c) Pihak Kementerian Pelajaran perlu menyediakan segala keperluan seperti peralatan dan bahan-bahan yang mencukupi agar proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan.
- d) Pihak Pentadbir sekolah perlulah peka terhadap penyediaan prasarana atau kemudahan yang cukup kepada bengkel Kemahiran Hidup, terutamanya dalam melengkapkan bengkel dengan alat-alat bantu mengajar yang moden dan terkini untuk kemudahan guru dan pelajar bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.
- e) Guru-guru Kemahiran Hidup perlu diberikan program atau latihan khas dari masa ke semasa bagi memantapkan lagi ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Kemahiran Hidup selari dengan sukatan pelajaran yang terkini.
- f) Jabatan Pelajaran Negeri juga hendaklah menganjurkan lebih banyak kursus-kursus samada jangka panjang atau pendek untuk memantapkan lagi kemahiran pengajaran guru-guru kemahiran Hidup.

10 Kesimpulan

Hasil dapatan kajian dapat digunakan oleh para guru untuk mereka mengukur dan sentiasa memperbaiki mutu pengetahuan, kemahiran, sikap dan mutu pengajaran mereka agar dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Kajian ini juga dapat memberi kesedaran kepada pihak guru bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan, kemahiran, sikap dan pengajaran guru dengan keputusan peperiksaan KH akhir tahun pelajar. Daripada hasil kajian ini seharusnya pihak guru perlu memperluaskan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi agar pengajaran dan pembelajaran mereka lebih baik, berkesan dan menarik minat para pelajar.

BIBLIOGRAFI

- Abu Bakar Mohd Salleh , Teo Kim Yong , Yeow Kek Ong , Chiam Min Kiew, Ramlah M Daim , Fatimah Hj. Mohamed , Cheng Yoke Fong dan Heng Bah Tee (1995) .Kemahiran Hidup Bersepadu , Teras dan Pilihan Kemahiran Manipulatif Tambahan . Johor Bahru : Penerbitan Pelangi Sdn Bhd.
- Ahmad Mohd Sharif (1996).“Tsu & Hala Tuju Strategik Ke Arah Abad Ke-21.”
- Ahmad Mahdzan Ayob (1993).“Guru dan Perguruan.” Edisi Kedua. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ausubel, D.P. 1968. *Educational Psychology: A Cognitive View*. New York: Hoet, Rinehart & Winston.

- Azizi Yahaya , Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon, Abd Rahim Hamdan (2007). “ Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan ” Edisi Kedua Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn Bhd .
- Badariah Mohd Saad (1997). “Kolerasi antara Persekitara Pembelajaran dengan Pendekatan Pembelajaran dan Pendekatan Pembelajaran dengan Pencapaian Ekonomi STPM. ” Universiti Kebangsaan Malaysia : Tidak diterbitkan.
- Mohd. Najib Ghafar (1997).“ Penyelidikan Pendidikan . ” Fakulti Pendidikan , Universiti Teknologi Malaysia .
- Mohd Majid Konting (1990) . “ Kaedah Penyelidikan Pendidikan .” KualaLumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka .Marimuthu T. (1990).“ Pengenalan Sosiologi Pendidikan.” Shah Alam : Fajar Bakti.
- Mohd Ali (1998).“ Masalah-Masalah Pengendali Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Oleh Guru-Guru Bukan Opsyen Di Daerah Kulim.” Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Ramlah Hamzah (1992).“ K.H : Keyakinan Mengajar di Kalangan Guru Semenanjung Malaysia.” Kertas Kerja Konvensyen Nasional PERPEMA ke-8 : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Shahril @ Charil Marzuki, Habib Mat Som (1999).“ Isu Pendidikan Di Malaysia.” Cheras, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Sharifah Alwiyah Assagoff (1987). “Psikologi Pendidikan Konsep- konsep Asas Psikologi dan Psikologi Pendidikan , Psikologi Perkembangan .” Selangor Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Tuckman (1988). “Conducting Education Research .” 3 rd Ed San Diego : Horcovef Branee.
- Zaidatul Akmaliah (1993) . “ Kemahiran Dalam Pendidikan Vokasional Satu Jaminan Kerjaya”. Jurnal Pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia.